

27 MAR 2002
Ketari-Keadilan (Bergambar)
60 ANGGOTA KEADILAN SERTAI UMNO

BENTONG, 27 Mac (Bernama) -- Seramai 60 anggota Parti Keadilan Nasional (Keadilan) cawangan Mempaga Dua termasuk ketua penerangan dan beberapa anggota Jawatankuasanya bertindak keluar parti itu dan menyertai Umno cawangan Mempaga Dua.

Mereka bertindak demikian kerana tidak lagi yakin dengan perjuangan Keadilan, yang tidak memperjuangkan nasib anggotanya.

Bekas Ketua Penerangannya Azali Abdullah memberitahu Bernama malam ini, ramai anggota parti itu kecewa dengan sikap para pemimpin parti yang hanya mementingkan diri dan tidak membela nasib anggotanya.

"Kami amat kecewa dan kesal dan bosan dengan karenah pucuk pimpinan. Kemasukan kami dalam Umno bukan dipaksa sesiapa tetapi dengan rela hati,

"Umno adalah sebuah parti tulen yang membela nasib orang Melayu dan rakyat," katanya ketika ditemui di majlis penyerahan borang kemasukan anggota Umno Cawangan Mempaga Dua kepada Timbalan Menteri Besar Pahang Datuk Tan Aminuddin Ishak.

Turut hadir Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Bahagian Umno Raub Datuk Shahrudin Abdul Moin.

Azali berkata ramai lagi anggota parti itu dijangka menyertai Umno tidak lama lagi.

Sementara itu, Tan Aminuddin berharap anggota parti pembangkang perlu menyedari bahwa hakikat Umno merupakan parti yang membela nasib kaum dan agama.

"Umno di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap akan menunaikan janji-janjinya kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu perjumpaan dengan penduduk Felda Mempaga Tiga malam ini, mengingatkan penduduk Felda berkenaan berhati-hati dengan dakwah pembangkang yang cuba mengelirukan para peneroka dengan pelbagai dakwaan liar kepada kerajaan.

"Pembangkang hanya tahu menabur fitnah dan tuduhan tetapi tidak tahu memperbaiki taraf hidup peneroka," katanya.

-- BERNAMA
HM MS NAK